

U B551 DEB
SARAWAK - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA BARISAN NASIONAL SARAWAK DI BAWAH PIMPINAN DATUK PATINGGI ABDUL TAIB MAHMUD KERANA KEMENANGANNYA DALAM PILIHAN RAYA NEGERI ITU.

+KEMENANGAN INI MEMBUKTIKAN BAHAWA RAKYAT TERUS MEMBERI KEPERCAYAAN DAN SOKONGAN MEREKA KEPADA BN UNTUK MEMBAWA KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN.

+SAYA YAKIN BAHAWA BN SARAWAK AKAN DAPAT MENERUSKAN USAHA-USAHA YANG TELAH DIJALANKAN SEBELUM INI BAGI KEMAJUAN, PERPADUAN DAN KESEJAHTERAAN PENDUDUK SARAWAK,+ KATANYA DALAM SATU KENYATAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA Pengerusi BN, SETERUSNYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA ANGGOTA BN YANG TELAH BEKERJA DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH BAGI MENDAPATKAN KEJAYAAN ITU.

+KEPADA PENDUDUK-PENDUDUK SARAWAK YANG TELAH MEMBERI KEPERCAYAAN MEREKA LAGI SEKALI KEPADA BN, SAYA UCAPKAN TERIMA KASIH,+ KATANYA.

-- LAGI

1249MST 17 04 87

U B557 DEB
SARAWAK - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU DI KOTA BAHARU, DATUK SERI DR MAHATHIR MENYIFATKAN KEJAYAAN ITU SEBAGAI SATU KEMENANGAN CEMERLANG KERANA DATUK PATINGGI TAIB DAN RAKAN-RAKANNYA TERPAKSA MENGHADAPI BANYAK DUGAAN.

BELIAU BERHARAP MEREKA YANG KALAH TIDAK LAGI CUBA MELAKUKAN BERMACAM-MACAM TINDAKAN YANG BOLEH MEROSAKKAN SARAWAK.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN PARA ANGGOTA PERWAKILAN UMNO DARI NEGERI ITU DI KEDIAMAN MENTERI BESAR, DATUK HAJI MOHAMED YAACOB.

MENGENAI KEDUDUKAN PARTI BANSA DAYAK SARAWAK (PBDS) DALAM BN NEGERI, PERDANA MENTERI BERKATA TERSERAH KEPADA DATUK PATINGGI TAIB KERANA MENURUTNYA, +ITU SOAL NEGERI+.

MENGENAI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO MINGGU DEPAN, BELIAU, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERHARAP PERTANDINGAN BAGI MEMILIH PUCUK PIMPINAN PARTI DAPAT BERJALAN DENGAN BAIK. -- LAGI

1324MST 17 04 87

U B558 DEB
SARAWAK - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENYERU PARA ANGGOTA PERWAKILAN SUPAYA MENENTUKAN TIDAK TIMBUL APA-APA PERKARA YANG TIDAK DIINGINI PADA PERHIMPUNAN ITU.

APABILA DITANYA MENGENAI KEMUNGKINAN BERLAKU SESUATU EKORAN DARIPADA PEREBUTAN JAWATAN TERTINGGI, BELIAU BERKATA: +KITA TUNGGU SAJALAH+.

KATANYA, PERSIAPAN TELAH DIBUAT UNTUK MEMPASTIKAN PERHIMPUNAN AGUNG ITU BERJALAN LANCAR DI SAMPING MENGELAK SEBARANG KEJADIAN YANG TIDAK DIINGINI.

DALAM PERJUMPAAN TERTUTUP LEBIH DUA SETENGAH JAM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR DIFAHAMKAN MEMBERI PENERANGAN MENGENAI KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA SERTA BEBERAPA PERKARA YANG DITIMBULKAN SEMASA KEMPEN PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN PARTI.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI PENERANGAN, YENGGU AHMAD RITHAUDDEEN, MENTERI PERUSAHAAN AWAM, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, MENTERI PELAJARAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM, MENTERI BESAR KEDAH, DATUK PADUKA OSMAN AROFF, MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN, DATUK MOHD ISA SAMAD, KETUA MENTERI MELAKA, DATUK SERI RAHIM TAMBY CHIK, TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH, ENCIK KASSIM AHMAD, TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DR SITI ZAHARAH SULAIMAN, DAN DATUK DR YUSOFF NOOR, SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PENERANGAN, DATUK HAJI DUSUKI AHMAD, DAN ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN KOK LANAS, DATUK ABDULLAH AHMAD. -- BERNAMA

1327MST 17 04 87